

## **Tentang PRULink Asia Equity Fund (PAEF)**

### **A. Kemas kini strategi pelaburan**

Untuk memberikan nilai secara berterusan kepada pelaburan anda di samping menggalakkan pengurusan dana yang mampan, kami akan memperkasakan strategi pelaburan **PRULink Asia Equity Fund (PAEF)**, di mana ekuitinya hanya melabur dalam Eastspring Investments (Singapore) Limited Asian Equity Fund (EIAEF) pada masa ini.

Peruntukan ekuiti PAEF akan dibahagikan sama rata kepada dua dana sasaran baharu – Eastspring Investments Asia Pacific ex-Japan Target Return (APTR) dan JP Morgan Asia Growth Fund (JPMAG). Kami percaya bahawa strategi pelaburan **PRULink Asia Equity Fund (PAEF)** yang diperkasakan ini boleh menawarkan potensi prestasi dana yang lebih baik melalui pemilihan stok dan peruntukan aset pelaburan yang fleksibel dalam jangka masa panjang.

Langkah memperkasakan strategi ini adalah selaras dengan penghuraian **PRULink Asia Equity Fund (PAEF)** yang tertera dalam Jadual 3 Polisi anda.

Oleh itu, tiada tindakan yang perlu anda ambil. Harap maklum.